



## NOTIS PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PASAR MALAM / PASAR PAGI

- 1 Dimaklumkan, bermula 5 JULAI 2020, **HANYA PASAR MALAM TANGKAK JAYA SAHAJA** DIBENARKAN BEROPERASI. Lain-Lain tapak pasar malam dan pasar pagi **BELUM DIBENARKAN BEROPERASI**.
2. Lokasi Pasar Malam Tangkak Jaya **AKAN DIPINDAHKAN SEMENTARA DI KAWASAN LETAK KERETA TAMAN REKREASI CHOHOONG.**
3. **Hanya peniaga yang mempunyai lesen yang sah di tapak berkenaan sahaja yang dibenarkan menjalankan perniagaan.**
4. Peniaga yang ingin menjalankan operasi perniagaan dikehendaki mengisi borang kebenaran memulakan perniagaan dan menandatangani Aku Janji di Majlis Daerah Tangkak
5. Peniaga yang berminat perlu hadir sendiri ke Majlis Daerah Tangkak dengan membawa salinan kad pengenalan dan lesen pasar malam.
6. **49 peniaga terawal** yang mendaftarkan diri di Majlis Daerah Tangkak diberi keutamaan untuk menjalankan perniagaan terlebih dahulu. Baki peniaga yang lain akan dibuat penggiliran dan ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Tangkak.
7. **Perniagaan jenis pakaian dan kasut TIDAK DIBENARKAN** beroperasi buat masa ini.
8. Semua peniaga perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana di Lampiran 1.
9. Peniaga-peniaga yang berjaya dan dibenarkan menjalankan perniagaan akan dihubungi oleh Majlis Daerah Tangkak.
10. Tarikh tutup permohonan adalah **SEBELUM** atau **PADA 30 JUN 2020 (SELASA)**.

Dengan Perintah

Yang DiPertua  
MAJLIS DAERAH TANGKAK



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEMBUKAAN PASAR MALAM BAGI  
**PENIAGA** DI PASAR MALAM SEMENTARA TANGKAK  
(TAMAN REKREASI CHOHOHONG)

**PENIAGA**

1. Semua Peniaga dikehendaki menyediakan khemah 10 x 10 sahaja. Maksimum 2 petak akan diberikan. Walaubagaimanapun pemberian dan ketetapan petak akan ditentukan oleh pihak Majlis Daerah Tangkak.
2. Semua peniaga juga dikehendaki menyediakan pencahayaan dan “hand sanitizer” sendiri di gerai / khemah masing-masing.
3. Setiap peniaga dihadkan bilangan sebanyak **3 orang (1 peniaga dan 2 orang pekerja)** mengikut kesesuaian petak dan hanya peniaga serta pekerja **WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA** dibenarkan untuk beroperasi / menjalankan perniagaan.
4. Waktu Operasi Pasar Malam Sementara adalah pada **setiap hari Ahad** bermula jam **4.00 Petang hingga 9.00 Malam sahaja**.
5. Setiap peniaga **digalakkan** memakai “Face Shield” tetapi **DIWAJIBKAN** untuk memakai “Face Mask”, **sarung tangan dan apron pakai buang**.
6. Pihak Majlis Daerah Tangkak akan mengawal laluan pintu masuk dan keluar ke tapak pasar malam. Setiap peniaga dan pekerja **DIWAJIBKAN** untuk membuat saringan suhu badan, memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera atau mengisi buku pendaftaran bagi tujuan “contact listing” di kuanter yang disediakan.
7. Setiap peniaga hendaklah menyediakan beg plastik sampah dan menjaga kebersihan diri serta tapak gerai / khemah sepanjang waktu berniaga.
8. Setiap peniaga hendaklah memastikan pelanggan di gerai mematuhi penjarakan social 1 meter antara satu sama lain.
9. Sekiranya ada pelanggaran pada syarat-syarat yang ditetapkan, Majlis Daerah Tangkak berhak untuk mengambil tindakan, sitaan dan penutupan gerai terhadap peniaga.
10. Syarat-syarat ini terpakai sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuatkuasa.
11. Garis panduan ini adalah terpakai serta-merta sebagai **ARAHAN SEMASA** Yang Dipertua MDT sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam syarat lesen perniagaan **Majlis Daerah Tangkak** yang sedang berkuatkuasa.

Dengan Perintah

Yang DiPertua  
**MAJLIS DAERAH TANGKAK**



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEMBUKAAN PASAR MALAM BAGI  
**PENGUNJUNG** DI PASAR MALAM SEMENTARA TANGKAK  
(TAMAN REKREASI CHOHOHONG)

**PENGUNJUNG**

1. Laluan **PENGUNJUNG** adalah secara sehala atau pusingan U dan hanya satu laluan keluar masuk digunakan dengan tempoh had yang ditetapkan **maksima 30 minit** bagi setiap pengunjung.
2. Penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan pelitup muka (*facemask*) adalah **diwajibkan** semasa memasuki kawasan pasar malam, pengunjung yang tidak memakai pelitup muka (*facemask*) **dilarang** masuk.
3. Pihak Majlis Daerah Tangkak akan mengawal laluan pintu masuk dan keluar ke tapak pasar malam. **Setiap PENGUNJUNG DIWAJIBKAN** untuk membuat saringan suhu badan, memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera atau mengisi buku pendaftaran bagi tujuan "*contact listing*" di kuanter yang disediakan.
4. Kanak-kanak bawah umur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki pasar malam. Bagi warga emas, **DIHADKAN MASA** untuk memasuki tapak pasar malam mulai jam 4.00 petang hingga 8.00 malam.
5. Urusniaga hanya dalam bentuk belian terus (*take away*)

Dengan Perintah

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tangkak